SinarHarian SinarOnline SinarHarian sinarharian Sinar Harian Sinar Harian Official



# DAP pandang serius dakwaan ‘potong barisan’ vaksin

RAJA NUR FAZNIE AIDA | | 05 Mac 2021



DAP

A- A+

SHAH ALAM - DAP memandang serius dakwaan ‘potong barisan’ dalam proses pemberian vaksin fasa pertama dan mahu keutamaan diberikan kepada petugas barisan hadapan.

Muhammad Sajjad ulangi ikrar keluar Islam

Parti itu dalam ke ... dedahkan pihak yang terlibat.

Baca cerita seterusnya >




"Kami amat mengalu-alukan seruan daripada Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), Khairy Jamaluddin Abu Bakar supaya pemberi maklumat tampil memaklumkan perkara itu dan mahu kerajaan mendedahkan pihak yang dibuktikan terlibat dengan kejadian 'potong barisan' untuk diberikan pengajaran kepada yang lain.

“Ia penting bahawa dakwaan ini tidak dibiarkan tanpa sebarang tindakan untuk menjamin keyakinan dan kepercayaan rakyat serta memastikan terdapat kesaksamaan vaksin dalam Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan,” menurut kenyataan.

Kenyataan itu dikeluarkan secara bersama oleh Setiausaha Agung DAP merangkap Ahli Parlimen Bagan, Lim Guan Eng; Ahli Parlimen Bandar Kuching, Dr Kelvin Yii Lee Wuen; Ahli Parlimen Bangi, Dr Ong Kian Ming dan Ahli Parlimen Bukit Mertajam, Steven Sim Chee Keong.




Dalam pada itu, DAP turut menggesa kerajaan memperincikan secara spesifik kumpulan yang bakal menerima suntikan vaksin untuk fasa kedua program imunisasi tersebut bagi mengurangkan kekeliruan dan memastikan ia berjalan lancar.

“Sebelum ini kerajaan menyasarkan kira-kira 9.4 juta orang berusia lebih 60 tahun dan mereka yang mempunyai komorbiditi yang menghidap penyakit kronik dan berisiko tinggi mendapat gejala yang serius dari Covid-19.

“Bagaimanapun, komunikasi dan koordinasi dengan pihak berkepentingan, pakar perubatan, klinik masyarakat dan rumah jagaan juga haruslah dipertingkatkan,” katanya.




**Muhammad Sajjad ulangi ikrar keluar Islam**

Baca cerita seterusnya ›

Tambah DAP, pihak kementerian juga harus melakarkan satu kerangka kerjasama yang komprehensif antara pihak awam dan pihak swasta untuk bersama-sama menjayakan program imunisasi berkenaan termasuklah penerangan yang efektif.

Menurutnya, komunikasi multi modal perlu dilaksanakan bagi memastikan setiap komuniti diberikan maklumat yang betul berdasarkan sains dan fakta berkenaan vaksin tersebut.

“DAP juga akan memberi kerjasama dan menggembleng tenaga semua wakil rakyat kami untuk membantu dalam komunikasi strategik tentang manfaat vaksin Covid-19,” katanya.




Dalam perkembangan sama, DAP turut menggesa kerajaan menangguhkan pelaksanaan Pilihan Raya Umum ke-15 (PRU15) sehingga lebih 70 peratus rakyat menerima vaksin Covid-19.

“Keselamatan dan kesejahteraan rakyat harus diutamakan di atas sebarang kepentingan politik,” katanya.

Ruminah berbakti pada tanah di usia 77 ×

vaksin Covid-19 DAP

**TERKINI** | POPULAR

1 UMNO gopoh umum tolak kerjasama dengan Bersatu
2 Lapan peluru berpandu, 14 dron Houthi serang Arab Saudi
3 Muhyiddin makin terdesak, sanggup terima konco DAP
4 Malaysia komited perkukuh kerjasama dengan negara Komanwel
5 Malaysia perlu contohi negara luar urus kes salah laku

**Muhammad Sajjad ulangi ikrar keluar Islam**

Baca cerita seterusnya ›




*Dapatkan informasi dan statistik terkini penularan wabak Covid-19 di Malaysia di sini: https://info.sinarharian.com.my/koronavirus*

Advertisement

**Apakah reaksi anda?** Powered by Vuukle

| Gembira | Biasa Jer | Terhibur | Teruja | Marah | Sedih |
|---|---|---|---|---|---|
| 0% | 0% | 0% | 0% | 0% | 0% |

## Artikel Berkaitan



### [VIDEO] Penjawat awam tidak patut terima BPN

SHAH ALAM - Penjawat awam tidak sepatutnya menerima Bantuan Prihatin Nasional (BPN) kerana ia sepatutnya hanya diterima golongan yang benar-benar...

**Muhammad Sajjad ulangi ikrar keluar Islam**



### Erra Fazira selamat diijabkabulkan

PUTRAJAYA - [DIKEMASKINI] Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Senator Datuk Seri Dr Zulkifli Mohamad Al-Bakri memuat naik beberapa keping gambar...

Baca cerita seterusnya ›






## Anwar lakukan kesilapan besar

ALOR SETAR - Presiden Parti Keadilan Rakyat (PKR), Datuk Seri Anwar Ibrahim telah melakukan kesilapan besar dalam karier politiknya apabila...



## Sekarang sudah tahu niat sebenar Dr Mahathir, kata Anwar

SHAH ALAM - Presiden Parti Keadilan Rakyat (PKR), Datuk Seri Anwar Ibrahim mengatakan beliau sering percaya bahawa Tun Dr Mahathir Mohamad akan...




## ‘Saya terpaksa masak nasi goreng minyak untuk anak-anak’

[LAPORAN KHAS] SHAH ALAM - “Kami berdepan masalah kewangan kerana gaji suami dibayar lambat, barang dapur tiada dan terpaksa berlapar, namun...




## Kartel tukar daging haram jadi halal

[LAPORAN KHAS] JOHOR BAHRU – Taktik jahat kartel yang menyeludup daging sejuk beku dari China, Ukraine, Brazil dan Argentina sebelum membungkus...


# Newsletter

Berita Telus & Tulus hanya untuk anda setiap hari. Langgan Sekarang!

Email

Nama

Saya telah memahami dan bersetuju dengan Polisi Data Peribadi.

Langgan

DMCA PROTECTED


**Muhammad Sajjad ulangi ikrar keluar Islam**

Baca cerita seterusnya ›

## Muhammad Sajjad ulangi ikrar keluar Islam

SHAH ALAM - Usahawan kosmetik, Muhammad Sajjad Kamaruz Zaman, 36, atau lebih dikenali sebagai Nur Sajat menyatakan hasrat untuk keluar daripada agama Islam melalui sebuah video yang tular di media sosial. Video yang berdurasi 1 minit 45 saat itu memaparkan luahanny…

**Sinarharian**


## Kaedah Penurunan Berat Badan Yang Anda Tidak Pernah Cuba!

**Japan Shinyakoso** | Sponsored

**Azezah Drop Shoulder Blouse - Brown Paisley**

RM79

**Poplook**

Shop Now

**Cara Mudah Kuruskan Badan Bakar Semua Lemak Degil!**

**Japan Shinyakoso**

**Cara paling mudah untuk singkirkan lemak perut!**

**ketoslim**

**1 Cawan (Sebelum Tidur), Membakar Lemak Perut Seperti Gila.**

**Shinyakoso Enzyme**

**1 Cara mengecilkan perut buncit secara mudah & alami**

**Keto Diet**

**Hilangkan segala kesakitan di seluruh badan tanpa sebarang rawatan!**

**BERITA & SAINS MALAYSIA**

**Cara Mudah Hapuskan Siput Di Kawasan Tanaman Anda**

**iProperty.com.my**

**Kesakitan pada sendi anda akan hilang selamanya**

**PERSATUAN KESIHATAN MASYARAKAT**

Sponsored Links by Taboola


**Muhammad Sajjad ulangi ikrar keluar Islam**

Baca cerita seterusnya ›